

Didik komuniti pentingnya amalan kitar semula

Fiqa Jamal

PENKALAN BATU – Platform mendidik masyarakat mengurus sisa kitar semula menerusi program 'Singgit Seposen' anjuran Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Nordin berkata, antara penambahbaikan yang boleh diselit menerusi program tersebut adalah seperti ceramah, video kesan pembuangan sisa terpakai ke Sungai dan sebagainya.

Katanya, penambahbaikan itu mampu membuka mata dan minda masyarakat mengenai kepentingan mengurus sisa terpakai, sekali gus menjaga alam sekitar.

"Bagi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar, Pro-

gram Singgit Seposen ini boleh ditambah baik dengan visual, video atau sesi ceramah.

"Selain itu, program seumpama ini saya lihat boleh diperluaskan ke setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dilaksanakan di setiap Japerun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Kitar Semula 'Singgit Seposen' Infineon dan Komuniti sempena Sambutan hari Alam Sekitar Negara 2023 di tapak parkir kaki-tangan pekerja Infineon (POKABA), di sini, pada Sabtu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Alex Seah Shoo Chin, Ketua Pegawai Eksekutif PTHM Ismail Hasim serta Ketua Pegawai Kewangan Infineon, Forian Herrmann.

Mengulas lanjut, Kal-



KALSOM menerima cenderahati daripada Forian Herrmann pada Program Kitar Semula 'Singgit Seposen' Infineon dan Komuniti.

som yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Batu berkata, pihaknya telah memaklumkan kepada PTHM untuk mengadakan Program

'Singgit Seposen' itu di Japerunnya sebelum hujung tahun ini.

Jelasnya, program seumpama itu memudahkan urusan masyarakat

selain dapat menjana pendapatan sampingan hasil amalam kitar semula barangan terpakai.

"Aktiviti ini semakin mendapat sambutan yang

menggalakkan daripada orang ramai kerana mudah dan ia dijalankan secara pandu lalu dengan konsep 'Scan', 'Drop' dan 'Pay'," katanya.